

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 AUGUST 2016

Hubungan Malaysia, Ukraine masuk era baharu

UM - 5/8/2016

PUTRAJAYA 4 Ogos - Malaysia dan Ukraine bersetuju menubuhkan satu suruhanjaya perdagangan bersama sebagai platform untuk kedua-dua negara meningkatkan kerjasama ekonomi dan potensi pelaburan.

Penubuhan suruhanjaya yang dirintis hasil pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama Presiden Ukraine, Petro Poroshenko itu bakal membuka era baharu untuk hubungan dua hala yang lebih erat.

Sambil menyifatkan pertemuan itu banyak membuahkan hasil dan produktif, Najib berkata, transformasi ekonomi yang sedang dilakukan Ukraine dapat membuka peluang untuk menarik lebih ramai syarikat-syarikat Malaysia melabur ke negara itu.

Beliau menjelaskan, dasar penswastaan yang kini dilakukan Ukraine juga dapat memberi peluang cerah kepada syarikat-syarikat Malaysia menembusi pasaran negara berkenaan termasuk kedua-dua pihak bersetuju untuk membolehkan syarikat-syarikat Malaysia terlibat dalam sektor pengurusan lapangan terbang, infrastruktur lebuhraya, pengurusan tol lebuhraya, penajaan kuasa dan perumahan awam.

"Pertemuan ini turut menyentuh peluang jangka panjang untuk syarikat-syarikat negara ini terlibat dalam industri penjagaan kesihatan dan pelancongan di Ukraine," kata Najib dalam sidang akhbar bersama Poroshenko sejurus mengadakan mesyuarat dua hala Ma-

laysia dan Ukraine di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Selain membincangkan usaha meningkatkan hubungan dua hala, Najib memberitahu, pertemuan itu turut menyentuh usaha bagi menarik lebih ramai pelancong Malaysia ke Ukraine termasuk berhubung kemudahan visa dalam usaha menarik lebih ramai pelancong Ukraine ke negara ini..

Dalam masa sama, Perdana Menteri berkata, pertemuan itu turut menyentuh soal pendidikan dalam meningkatkan jumlah pelajar Malaysia untuk melanjutkan pengajian ke Ukraine.

Sementara itu, Poroshenko berkata, Ukraine amat mengagumi kepesatan pembangunan Malaysia yang semakin berkembang maju, sekali gus merupakan antara faktor untuk negaranya memperkukuhkan hubungan dua hala yang telah terjalin selama ini.

Beliau berkata, Ukraine juga menawarkan kepada Malaysia penyertaan bersama dalam program angkasa lepas, pesawat Antonov untuk industri pertahanan dan produk-produk farmaseutikal.

"Ukraine amat mengalu-alukan kehadiran pelaburan syarikat-syarikat Malaysia ke Ukraine sekali gus disifatkan episod baharu dalam hubungan antara kedua-dua negara.

"Sepatutnya mesyuarat suruhanjaya perdagangan bersama itu diadakan pada tahun depan, namun kita mempercepat untuk mengadakannya pada tahun ini," katanya.